

Nama:

SEJARAH TAHUN 4

Tarikh:

UNIT 8 Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka

Baca dan fahami Nota Pintar di bawah sebelum menjawab soalan.



**Glosari Istilah**

| Istilah           | Maksud istilah                                                         |
|-------------------|------------------------------------------------------------------------|
| Diplomat          | Wakil kerajaan yang bertugas di negara lain                            |
| Empayar           | Wilayah-wilayah yang dikuasai dan ditadbir oleh sebuah kerajaan        |
| Hamba             | Kumpulan masyarakat yang bekerja tanpa dibayar upah atau orang suruhan |
| Pengawal peribadi | Individu yang ditugaskan menjaga keselamatan individu lain             |
| Sultan            | Individu yang menjadi ketua dalam pentadbiran kerajaan                 |
| Tokoh             | Individu tertentu yang dihormati dan disanjung                         |

## Struktur Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Terdiri daripada golongan pemerintah dan golongan diperintah:



## Kenali Tokoh Terbilang

1. Tokoh terbilang ialah individu yang dihormati dan disanjung oleh masyarakat.
2. Ciri-ciri tokoh terbilang ialah:
  - (a) Gigih seperti Parameswara yang memajukan Melaka.
  - (b) Mempertahankan kedudukan negara seperti Bendahara Tun Perak.
  - (c) Berkorban untuk negara seperti Hang Tuah.
3. Tokoh-tokoh lain ialah Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah.

## Peranan Tokoh Terbilang

| Tokoh     | Peranan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Sultan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedudukan tertinggi dalam masyarakat.</li> <li>• Lambang perpaduan rakyat.</li> <li>• Melantik pembesar.</li> <li>• Mengetuai angkatan tentera.</li> <li>• Ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu.</li> <li>• Memastikan keselamatan dan keamanan Melaka terjamin.</li> <li>• Penggalak kepada perkembangan ilmu pengetahuan.</li> </ul> |
| Bendahara | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penasihat sultan dalam aspek pentadbiran.</li> <li>• Ketua pembesar.</li> <li>• Membantu sultan mengembangkan agama Islam.</li> <li>• Menjadi ketua diplomat, ketua hakim dan mengetuai tentera Melaka.</li> <li>• Menjadi pemangku sultan.</li> </ul>                                                                                       |
| Laksamana | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetuai angkatan laut Melaka.</li> <li>• Mengetuai utusan rasmi kerajaan.</li> <li>• Menjadi duta Melaka.</li> <li>• Menjadi pengawal peribadi sultan.</li> <li>• Menjaga keamanan di perairan dan keselamatan pedagang.</li> </ul>                                                                                                        |

## LATIHAN

Gunakan nota dan buat bacaan buku teks muka surat 106-107 untuk menjawab soalan di bawah.

**A** Lengkapkan susun lapis struktur masyarakat Kesultanan Melayu Melaka di bawah. **TP1**

|                        |                         |
|------------------------|-------------------------|
| Golongan<br>Pemerintah | 1. <input type="text"/> |
|                        | 2. <input type="text"/> |
| Golongan<br>Diperintah | 3. <input type="text"/> |
|                        | 4. <input type="text"/> |

**B** Lengkapkan maklumat di bawah berkaitan struktur masyarakat Kesultanan Melayu Melaka. **TP1**

| Struktur Masyarakat | Huraian                                                                                                            |
|---------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Sultan           | (a) _____ tertinggi dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.<br>(b) Merupakan simbol _____ rakyat Melaka.       |
| 2. Pembesar         | (a) Dilantik oleh _____.<br>(b) Membantu sultan dalam _____ negeri atau kerajaan.                                  |
| 3. Rakyat           | (a) Merupakan _____ asal Kesultanan Melayu Melaka.<br>(b) Menjadi _____ sultan dan pembesar.                       |
| 4. Hamba            | (a) Merupakan _____ kepada sultan dan pembesar.<br>(b) Status pemilik berdasarkan bilangan _____ yang dimilikinya. |